

Sukan Asia: Pencak Silat dijangka layak ke Beijing

-6 DEC 1987 B. Minggu (M)

PENCAK SILAT dijangka menjadi sukan pertunjukan di Sukan Asia Beijing tahun 1990, sebagai langkah menjadikannya salah satu acara dalam sukan itu pada masa akan datang.

"Usaha supaya Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat) bertindak mendapatkan kelulusan bagi pertunjukan itu, akan dibincangkan dalam mesyuarat majlis badan itu hari ini," kata Naib Presiden Persilat, Aziz Deraman.

"Saya percaya selepas perbincangan hari ini negara-negara anggota akan memberi sokongan besar dan memohon untuk berbuat demikian kepada jawatankuasa Sukan Asia Beijing," kata Aziz.

Menurut Aziz, bagi silat olahraga menembusi Sukan Asia, ia sekurang-kurangnya perlu mendapat pengiktirafan daripada dua pertiga negara anggota Sukan Asia.

"Persilat akan berusaha membuat pertunjukan di Korea, Jepun dan China bagi menarik minat dan sekaligus mendapatkan sokongan mereka," kata Aziz.

Bagaimanapun untuk mendapatkan dalam Sukan Olimpik, ia mungkin sesuatu yang sukar.

"Untuk Olimpik, kita memerlukan sekurang-kurangnya 50 negara mengiktirafkannya sebagai satu acara. Ini bukan perkara mudah, tetapi akan mengambil jangka masa lama," kata Aziz.

Sementara itu, Setiausaha Persilat Drs Jan A Pandey, dalam seminar sehari mengenai silat, semalam menyatakan, usaha-usaha untuk memasukkan olahraga pencak silat dalam kejuaraan rasmi, bukan lagi satu mimpi.

Kejayaan acara silat olahraga dalam Sukan SEA ke-14, baru-baru ini membuktikan, harapan membawa sukan ini ke peringkat antarabangsa adalah cerah.

"Hanya waktunya sahaja yang masih belum pasti," kata beliau.



Si Jelita bukan sembarangan

-6 DEC 1987

B. Minggu (M)

Belakan komedi Benjamin S... memperkenalkan belakan jelita